



NASIONALIS TANPA KEPARTIAN : DOKUMENTASI SEJARAH MENTERI BESAR TERENGGANU KELIMA

Nasionalist Without A Party : Historical Documentation of The Fifth Chief Minister of Terengganu

Kamarulzaman Mahmood¹, Muhamad Fazil Ahmad¹, Mohamed Anwar Omar Din²

¹Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

²Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: kazama.wm708@gmail.com

Received: 23 March 2021 • Accepted: 26 April 2021 • Published: 30 April 2021

Abstract

The State of Terengganu has a Law of Appointment of leaders that has been set. DYMM Sultan or menteri besar to be appointed must meet the conditions set out in the Law for the Government of Terengganu dated 2 November 1911 which is also known as 'Itqan Al Muluk Bita'dil As-Suluk. Therefore, this paper aims to re-document the history of the fifth Terengganu Menteri Besar Dato'Perdana Menteri Di Raja Dato Seri Setia Di Raja Haji Kamaruddin bin Haji Idris. This study was conducted qualitatively using Snowball Sampling Techniques to fifth Menteri Besar youngest son, Dato' Haji Suhaimi bin Kamaruddin. The results of this study can contribute to the knowledge of the history of the Terengganu state administration and be a source of lessons for the leadership of the menteri besar today and in the future.

Keywords: Terengganu Administration, Menteri Besar appointed by DYMM Sultan of Terengganu, history of Menteri Besar, administration, struggle of Menteri Besar of Terengganu

Abstrak

Negeri Terengganu mempunyai Undang-Undang Pelantikan pemimpin yang telah ditetapkan. DYMM Sultan atau Menteri Besar yang hendak dilantik perlulah memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Undang Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu bertarikh 2 November 1911 yang turut dikenali sebagai 'Itqan Al Muluk Bita'dil As-Suluk. Makalah ini bertujuan untuk mendokumentasikan semula sejarah mengenai Menteri Besar Terengganu kelima,

Dato' Perdana Menteri Di Raja Dato Seri Setia Di Raja Haji Kamaruddin bin Haji Idris. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan Teknik Persampelan Bola Salji Secara Bertujuan terhadap anak bongsu tokoh iaitu Dato' Haji Suhaimi bin Kamaruddin. Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengetahuan sejarah pentadbiran negeri Terengganu dan menjadi sumber iktibar bagi kepimpinan menteri besar pada hari ini dan pada masa akan datang.

Kata kunci: Pentadbiran Terengganu, Menteri Besar lantikan DYMM Sultan Terengganu, sejarah Menteri Besar, pentadbiran, perjuangan Menteri Besar Terengganu

Cite as: Mahmood, K., Ahmad, M. F., & Omar Din, A. M. (2021). *Nasionalis Tanpa Kepartian: Dokumentasi Sejarah Menteri Besar Terengganu Kelima*. Asian People Journal, 4(1), 169-186.

PENGENALAN

Daripada 21.04.1925 Sehingga tahun 28.6.1959, seramai 5 orang menteri besar telah dilantik oleh DYMM Sultan Terengganu untuk menerajui pentadbiran negeri Terengganu. Pelantikan Menteri Besar melalui lantikan sultan merupakan cara lantikan sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) atau melalui lantikan politik iaitu lantikan oleh Perdana Menteri Persekutuan Malaysia. Secara asasnya, negeri Terengganu mempunyai Undang-Undang Pelantikan pemimpin yang telah ditetapkan.

Sultan atau menteri besar yang hendak dilantik perlulah memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Undang Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu bertarikh 2 November 1911 yang turut dikenali sebagai 'Itqan Al Muluk Bita'dil As-Suluk. Undang – undang ini merupakan asas yang kukuh bagi pelantikan Menteri Besar yang layak, adil dan bijaksana. Menteri Besar Terengganu pertama hingga kelima yang telah berkhidmat sepanjang tahun 1925 hingga 1959 sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Responden: Waris Menteri Besar Terengganu (1925 – 1959)

Bil	Menteri Besar	Tempoh Pentadbiran
1.	Y.A.B. Dato' Seri Amar Di Raja Haji Ngah Muhammad bin Yusof	21.4.1925 - 28.6.1940
2.	Y.B.M. Tengku Seri Maharaja Tengku Omar bin Othman	15.7.1940 - 9.12.1941
3.	Y.A.B. Dato' Jaya Perkasa Da Omar bin Mahmud	10.12.1941- 1.12.1947
4.	Y.A.M. Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad Ibni Al Marhum Sultan Ahmad	2.12.1947 - 26.12.1949
5.	Y.A.B. Dato' Perdana Menteri Di Raja Dato Seri Setia Di Raja Haji Kamaruddin bin Haji Idris	27.12.1949 - 28.6.1959

Namun begitu, hasil carian awal menunjukkan tiada maklumat lengkap berkaitan rekod perkhidmatan dan riwayat hidup Menteri Besar Terengganu kelima berkenaan. Justeru itu, kajian ini bertujuan mendokumentasikan semula sejarah mengenai Menteri Besar Terengganu kelima dari aspek ketokohan, pentadbiran dan perjuangan. Bagi memenuhi tujuan kajian, makalah ini berusaha untuk memberikan dapatan kajian yang sahih berkaitan maklumat Menteri Besar Terengganu kelima iaitu Y.A.B. Dato' Perdana Menteri Di Raja Dato Seri Setia Di Raja Haji Kamaruddin bin Haji Idris.

Kajian Dokumen telah dijalankan di Perpustakaan Universiti, Perpustakaan Awam, Arkib Negara Malaysia dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu bagi mendapatkan maklumat yang relevan dengan kajian. Antara lapangan yang menjadi rujukan kajian dokumen adalah di Unit Koleksi Terengganu Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Lembaga Muzium Negeri Terengganu , Unit Arkib Perpustakaan Al Muktafi Billah, UniSZA Kuala Nerus, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur Perpustakaan Fakulti Alam Tamadun Melayu (ATMA) dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Sampel kajian adalah hasil temubual bersama anak bongsu tokoh iaitu Dato'Haji Suhaimi bin Kamaruddin di Kuala Terengganu pada 22 Ogos 2019 disusuli temubual kedua di Kuala Lumpur pada 16 September 2020.

Kaedah Kajian

Kaedah yang akan digunakan dalam penyelidikan ini ialah penyelidikan kualitatif iaitu secara Temubual Tidak Berstruktur melalui teknik bola salji. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah “Kaedah Temubual Bersemuka” yang dijalankan oleh penyelidik terhadap responden iaitu anak tokoh dan di susun dengan kaedah kualitatif secara manual. Medium yang digunakan adalah temubual secara bersemuka diatur melalui panggilan telefon. Rakaman temubual akan dirakam menggunakan alat perakam suara dan ditranskripsi. Maklumat yang diperolehi akan dikod mengikut tema yang telah dijadualkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Latarbelakang (Menteri Besar Terengganu Kelima)

YAB Dato' Perdana Menteri Di Raja Dato' Seri Setia Di Raja Haji Kamaruddin bin Haji Idris (selepas ini disebut Kamaruddin) dilahirkan pada 31 Mei 1904 di Kampung Sungai Besi, Selangor. Bapa Kamaruddin iaitu Haji Idris bin Abdul Ghani Harahap dan ibunya Siti binti Sheikh Ahmad @ Marah Hukum berasal daripada kerabat diraja kesultanan Mendailing, Sumatera, Indonesia. Haji Idris ibni Sutan Abdul Ghani Harahap ibni Sutan Kali Salamat Boru Soti Gunung Tua Mandailing merupakan pemerintah tempatan (disebut Sutan) bagi satu wilayah di Sumatera bersama-sama pengikut setia telah berjuang bermati matian dalam perjuangan menentang penjajahan Belanda melalui Syarikat Hindia Timur Belanda atau dikenali sebagai *Verenigde Oostindische Compagnie* (V.O.C) tetapi mereka telah kalah. Ini disebabkan pemerintah tempatan di wilayah sekitarnya telah bersekongkol dengan Kompeni Belanda menyebabkan mereka terpaksa lari untuk menyelamatkan diri. Sekiranya ditangkap, mereka akan dijatuhan hukuman mati kerana dianggap sebagai pemberontak atau musuh pengkhianat yang tidak menyokong pentadbiran kompeni Belanda. Faktor penarik yang ada pada ketika itu menyebabkan mereka beramai ramai berhijrah ke negeri Selangor.

Negeri Selangor pada ketika itu merupakan antara pengeluar bijih timah terbesar di dunia serta merupakan lubuk pencarian rezeki yang mudah bagi orang melayu Sumatera kerana mereka mempunyai kepakaran dalam kegiatan perlombongan di Sumatera yang memang kaya dengan emas, perak, bijih timah dan bijih besi. Pada masa yang sama di negeri Selangor sedang berlaku huru hara serta pergolakan politik akibat daripada perang saudara

yang tidak berkesudahan di antara Sultan Selangor dengan kerabat akrabnya¹. Sultan Selangor pada ketika itu telah meminta pertolongan daripada ketua orang melayu Sumatera (Mendailing) iaitu Haji Idris (bapa kepada Kamarudin) dan Haji Abdul Jalil (juga keturunan Sutan Sumatera) untuk menewaskan seterunya. Perang saudara ini akhirnya dimenangi oleh pihak Sultan Selangor. Sebagai ganjaran dan untuk membala jasa, kedua-duanya dilantik menjadi Penghulu.

Haji Idris (bapa kepada Kamarudin) dilantik sebagai penghulu di Kawasan Petaling manakala Haji Abdul Jalil Nasution (bapa mertua Kamarudin) menjadi Penghulu di Kawasan Ulu Langat. Pada ketika itu, Penghulu di Selangor mempunyai kuasa seakan sama seperti seorang Gabenor di sesuatu kawasan yang berkeluasan seperti sebuah daerah pada hari ini. Sebagai tanda persahabatan, Kamarudin telah dijodohkan dengan anak perempuan Penghulu Ulu Langat supaya ikatan persahabatan menjadi persaudaraan yang berkekalan. Kamaruddin telah mendirikan rumah tangga dengan Aminah binti Abdul Jalil Nasution yang berusia 16 tahun pada ketika itu. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata iaitu Zulkifli (Dato'), Zumanah, Zauwiah, Azmi (Tan Sri), Azizah, Mariah dan Suhaimi (Dato'). Sebagai seorang bapa kepada tujuh orang anak, beliau amat tegas dalam pendidikan agama.

Perkhidmatan Awal

Kamarudin mendapat pendidikan awal di Victoria Institution Kuala Lumpur dan kemudiannya melanjutkan pengajian ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak (MCKK)². Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam (British) sebagai Pegawai Percubaan Cawangan Pentadbiran Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak pada 22 Jun 1920. Kemudian, pada 1 Mac 1923, beliau dilantik sebagai Pegawai Sangkut Sekretariat Negeri Selangor. Pada tahun 1926, beliau memegang jawatan sebagai Pemangku Penolong Pegawai Daerah Sabak Bernam, Selangor. Pada tahun berikutnya iaitu 1927, beliau dinaikkan pangkat mengisi kekosongan jawatan Timbalan Penolong Pegawai Daerah Kuala Kangsar, Perak. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Kuala Selangor dengan jawatan Pemangku Penolong Pegawai Daerah Kuala Selangor pada tahun 1929.

Pada 1 Mac 1935, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Malayan Civil Service (MCS). Jawatan ini setaraf seperti Pegawai Tadbir dan Diplomatik sekarang dan merupakan jawatan utama dalam perkhidmatan awam British. Beliau merupakan salah seorang dikalangan tiga orang anak melayu pertama yang memegang jawatan MCS³. Pada tahun 1937 beliau sekali lagi ditukarkan ke negeri Perak bagi mengisi perjawatan sebagai Pemangku Penolong Pegawai Daerah Ipoh, Perak. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Daerah Kuala Kubu Bharu, Selangor. Ternyata rekod perkhidmatan awal beliau berlebar di antara negeri Selangor dan negeri Perak sahaja. Ini kerana beliau berasal dari Selangor dan menyambung pengajian kolej di negeri Perak iaitu di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).⁴

¹ Perang Saudara di Selangor pada 1866 sehingga 1874 juga dikenali sebagai Perang Kelang disebabkan para pembesar bersengketa untuk menguasai tanah lombong bijih timah.

² Temububual dengan Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Perdana Menteri Haji Kamarudin pada 15 September 2020 di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

³ MCS pertama lantikan pegawai Melayu ialah Raja Tun Sir Uda Al Haj bin Raja Muhammed, Dato' Panglima Bukit Gantang Dato' Seri Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz dan Dato' Perdana Menteri Haji Kamarudin bin Haji Idris (Ekslopedia Sejarah dan Budaya Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka hlmn.2034).

⁴ Setiausaha Kerajaan Terengganu, Rekod of Service and Leave, Section I, Book VI.

Sewaktu penjajahan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu sekitar tahun 1941, beliau bertugas sebagai Pegawai Daerah Kuala Kubu Bharu, Selangor. Disebabkan sifat nasionalis yang menebal dan tidak suka kepada penjajah, beliau secara sengaja didapati enggan menyanyikan lagu kebangsaan Jepun ‘Kimigayo’ semasa perhimpunan bersama kakitangan di perkarangan pejabatnya. Perbuatan ini telah sampai kepada pengetahuan pihak pentadbiran tentera Jepun menyebabkan beliau telah didapati bersalah dan dipenjarakan di Penjara Pudu, Kuala Lumpur selama tiga tahun. Sepanjang dalam tempoh tahanan, beliau telah menyaksikan sendiri kekejaman tentera Jepun terhadap tahanan di Penjara Pudu dengan pelbagai jenis seksaan yang tidak berperikemanusiaan sehingga mengubah personaliti dan keperibadian beliau selepas itu.

Kedudukan sel (bilik) penjara beliau berada di sudut tengah penjara menyebabkan beliau dapat melihat dengan jelas setiap hukuman yang dijalankan. Antara hukuman yang diingati oleh beliau adalah peristiwa seorang tahanan yang diikat, dibogelkan dan diletakkan sarang serangga (semut api dan kerengga). Jeritan rayuan meminta tolong daripada tahanan itu memberikan kesan trauma kepada beliau sepanjang hayatnya. Keadaan dalam penjara pada waktu itu sangat teruk. Ramai tahanan telah mati kebuluran akibat kekurangan zat makanan. Namun begitu, Kamarudin masih dianggap bernasib baik kerana sepanjang tempoh dipenjara, isteri beliau telah mengambil langkah drastik dengan berpindah daripada Kuala Kubu Bharu ke Kampung Baharu, Kuala Lumpur yang berdekatan dengan Penjara Pudu. Dengan kepintaran isteri beliau bekalan makanan dapat dihantar melalui Pengawal Penjara Pudu yang bersimpati dengan Kamarudin. Pengawal Penjara telah membawa masuk nasi himpit yang diikat kemas pada betis dan secara bersembunyi telah memberikannya kepada Kamarudin. Hanya dengan bekalan nasi himpit inilah sahaja yang membuatkan Kamaruddin dapat bertahan hidup sepanjang dalam tahanan tentera Jepun sehinggalah Perang Dunia berakhir dan tentera Imprialis Jepun menyerah kalah kepada tentera Berikut pada 15 Ogos 1945.

Setelah Perang Dunia Kedua tamat, Kamaruddin dibebaskan daripada Penjara Pudu. Tanah Melayu diduduki semula oleh penjajah British. Memandangkan beliau merupakan tahanan yang paling berpelajaran dan pernah memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah semasa pentadbiran British, pihak pentadbiran British⁵ pada masa itu telah melantik beliau sebagai Pengguna Penjara Pudu. Pegawai tertinggi tentera Jepun dan Pegawai Penjara Jepun yang telah menyerah kalah kini menjadi banduan tahanannya di Penjara Pudu.

Situasi ini sememangnya membolehkan beliau untuk membalaikembali segala bentuk kekejaman yang dilakukan oleh tentera Jepun dahulu. Walaupun beliau mempunyai kuasa untuk membalaikembali semula kekejaman yang pernah dilakukan oleh pegawai tentera Jepun kepadanya namun perkara sebaliknya berlaku. Beliau tidak pernah sesekali terlintas melakukan tindakan sedemikian dan melayan pegawai tentera Jepun dengan adil serta selayaknya sebagai tahanan perang. Beliau telah menunjukkan sikap perikemanusiaan yang tinggi serta tidak membalaikembali segala kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh tentera Jepun kepadanya sebelum ini. Pegawai tentera Jepun berasa sangat terkejut malahan timbul kekaguman terhadap budi pekerti serta nilai-nilai murni yang ada pada orang Melayu.

Pada 1 April 1946, kerajaan British sedang berusaha untuk melaksanakan gagasan “Malayan Union”⁶ di Tanah Melayu. Rancangan untuk membentuk Malayan Union dibuat apabila Parti Buruh menjadi parti pemerintah di Britain pada Ogos 1945. Pada 10 Oktober 1945, Rancangan Malayan Union telah dibahaskan dalam Parlimen

⁵ British Military Administration (B.M.A) merupakan Pentadbiran Tentera British selepas Perang Dunia Kedua tamat.

⁶ Malayan Union telah dilaksanakan oleh pentadbiran British mulai 1.4.1946 sehingga 31.1.1948.

Britain dan diluluskan. Justeru, pada 11 Oktober 1945 akhbar Britain telah menyiaran ucapan Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British. Malayan Union merupakan sebuah negara persekutuan gabungan negeri-negeri Melayu yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri Selat (kecuali Singapura). Gagasan ini telah membangkitkan semangat nasionalis orang Melayu secara luar biasa untuk bangkit bersatu menentang gagasan berkenaan.

Kamaruddin amat memahami prinsip yang diterapkan oleh British kepada penjawat awam iaitu perlu menyokong “government of the day”. Prinsip ini bertentangan dengan pendirian Kamaruddin sebagai seorang yang berjiwa nasionalis Melayu. Beliau berpendapat tidak boleh tidak, Tanah Melayu harus ditadbir oleh orang Melayu. Justeru itu, Kamaruddin mengambil keputusan untuk menentang penubuhan Malayan Union dengan sedaya upayanya. Bagi menyatakan penentangan kepada gagasan Malayan Union, satu surat bantahan dikeluarkan dan satu perhimpunan rapat raksasa dikenali sebagai Kongres Melayu Sa-Malaya telah diatur oleh Persatuan Melayu Selangor di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baharu, Selangor (sekarang Kuala Lumpur) pada 1 hingga 4 Mac 1946. Sebanyak 41 Pertubuhan Melayu diseluruh Tanah Melayu telah menghantar wakil bagi menyuarakan bantahan yang keras terhadap Malayan Union. Raja Tun Uda Raja Muhamed⁷, salah seorang pegawai MCS Melayu pada awalnya telah diberi tanggungjawab untuk membaca deklarasi bantahan rasmi tersebut namun atas alasan yang tidak diketahui, beliau didapati tidak hadir semasa hari terakhir perhimpunan tersebut. Keadaan ini memaksa pihak pengajur Kongres meminta Kamaruddin selaku seorang pegawai Melayu yang sama taraf dengan Raja Tun Uda bagi membaca deklarasi bantahan terhadap gagasan Malayan Union tersebut.

Tindakan Kamarudin membaca deklarasi bantahan rasmi terhadap cadangan penubuhan gagasan Malayan Union telah diketahui ketuanya menyebabkan beliau disabitkan tindakan tatatertib memandangkan beliau merupakan pegawai kanan dalam pentadbiran kerajaan British. Berdasarkan pertuduhan, kesalahan beliau amat besar sehingga boleh menyebabkan beliau ditamatkan perkhidmatan serta merta tetapi Ketua Setiausaha Tanah Jajahan British, Sir Alec Newboult telah menggunakan budi bicaranya dalam menjatuhkan hukuman kepada beliau. Ketuanya amat kagum dengan tindakan Kamaruddin kerana berjiwa seorang nasionalis yang berani melakukan apa jua tindakan semata mata untuk mempertahankan tanah air.

Beliau menyatakan sokongan akan melakukan perkara yang sama sekiranya beliau berada di tempat Kamaruddin. Walau bagaimanapun, beliau tetap perlu menjatuhkan hukuman yang minima bagi meredakan kemarahan pihak atasannya kerajaan British. Beliau diarahkan untuk bertukar berkuatkuasa serta merta ke daerah Besut, Terengganu yang digelar “Siberia Malaya” pada waktu itu oleh pegawai British berkenaan. Beliau akan menggantikan Bernard⁸. Dalam tempoh 24 jam, beliau mempersiapkan barang untuk berpindah dengan menaiki lori membawa anak dan isterinya ke destinasi yang tidak pernah diketahui atau dijejakinya iaitu daerah Besut, Terengganu. Perjalanan beliau bersama keluarga menempuh tujuh buah pulau dimana setiap pulau memerlukan perjalanan dihentikan untuk memungkah barang muatan menaiki feri dan memindahkan semula barang muatan ke lori yang lain. Ianya sangat memerlukan kerana faktor geografi Terengganu pada waktu itu mempunyai banyak pulau dan tiada jambatan. Perjalanan yang mencabar ini memakan masa selama tiga hari dua malam menempuh perjalanan yang begitu memerlukan sebelum sampai ke destinasi di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Beliau melaporkan diri sebagai Pegawai Daerah Besut ke sebelas menggantikan Encik S. Born Bernard. Keadaan di Besut adalah seratus peratus berbeza berbanding di Selangor kerana ketidaan keperluan asas seperti bekalan elektrik, air

⁷ Beliau berketurunan Daeng Chelak, kerabat akrab Sultan Selangor merupakan Gabenor Pulau Pinang yang pertama.

⁸ R.C.Tr 681/46 bertarikh 28.10.1946 Fail Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

dan sebagainya namun itu semua tidak pernah mematahkan semangatnya untuk meneruskan perkhidmatan yang ikhlas berbakti kepada bangsa dan negara.

Ketika di Besut, status sebagai pegawai kerajaan British tidak menghalang beliau untuk berusaha menubuhkan UMNO pertama di Besut pada tahun 1947 yang juga UMNO pertama di Terengganu. Pada ketika itu, hanya UMNO sahaja parti politik yang tidak diharamkan oleh pihak British. Isteri beliau, Aminah juga turut serta dengan menubuhkan Kaum Ibu (sekarang dikenali Wanita UMNO). Perkara ini akhirnya sampai kepada pentadbiran British dan telah mendatangkan ketidakpuasan hati pihak British terhadap sikap nasionalis yang ditunjukkan oleh beliau. Beliau sekali lagi ditukarkan serta merta ke daerah Kemaman, Terengganu pada 28 April 1947. Kamaruddin turut dikenakan tindakan tatatertib dengan penurunan tangga gaji kepada bayaran yang lebih rendah. Ini menyebabkan beliau menerima gaji yang jauh lebih rendah berbanding pegawai junior MCS pada ketika itu. Namun, hukuman tersebut masih gagal mengentarkan hatinya menjadi pejuang nasionalis dengan caranya yang tersendiri dalam menentang penjajahan British. Beliau sekali lagi menubuhkan UMNO Bahagian Kemaman dan pihak British sekali lagi tidak teragak agak mengenakan tindakan tatatertib beserta penurunan tangga gaji kepada beliau. Kali ini beliau ditukarkan ke daerah Kuala Terengganu sebagai Pentadbir Tanah dan Galian pada 16 November 1947. Walaupun tiga kali dikenakan tindakan penurunan tangga gaji disamping tindakan tatatertib malahan ditukarkan ke tempat yang terpencil ia sama sekali tidak pernah berjaya memadamkan semangat beliau untuk menjadi seorang nasionalis yang bersemangat kental. Kamaruddin telah menolak kepentingan diri sendiri dan hasratnya hanya satu iaitu ingin melihat Tanah Melayu ini bebas sepenuhnya dari cengkaman penjajahan bangsa asing.

Ketika di daerah Besut dan Kemaman lagi, beliau secara peribadi telah mengenali DYMM Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Sultan Ismail Nasiruddin Shah terkenal sebagai seorang ‘Sultan berjiwa rakyat’ yang gemar turun padang melawat ke daerah-daerah terpencil untuk memantau sendiri secara dekat segala permasalahan rakyat dan beramah mesra dengan kakitangan awam yang sedang menjalankan tugas. Ketika itulah Kamaruddin selaku Pegawai Daerah telah mengenali baginda Sultan dengan lebih akrab. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 1 Februari 1948. Semasa menjadi Setiausaha Kerajaan Terengganu, Kamaruddin telah diamanahkan untuk membuat pengubalan Itqan al- Muluk bi Ta’ dil al- Suluk atau Undang Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Kedua) pada tahun 1948. Beliau senantiasa meletakkan Sultan sebagai ketuanya dan bukannya Penasihat British. Hal ini amat memuaskan hati DYMM Tuanku Sultan dan akhirnya beliau dilantik sebagai Menteri Besar pada 18 Disember 1950 menggantikan YBM Tengku Panglima Perang Tengku Muhamad Al-Marhum Sultan Ahmad Syah (Pahang)⁹. Perlantikan beliau sebagai Menteri Besar Terengganu pada tahun tersebut merupakan lantikan yang terakhir oleh DYMM Tuanku Sultan Terengganu. Ini kerana selepas beliau, jawatan Menteri Besar adalah lantikan politik melalui Pilihanraya Umum Terengganu yang buat pertama kali diadakan pada 20.6.1959¹⁰.

Beliau sentiasa meyakini bahawa suatu masa nanti, anak tempatan akan mengambil alih pucuk pimpinan negeri. Justeru itu, beliau telah melantik dan memberi galakan kepada dua orang anak melayu tempatan yang memiliki ciri-ciri kepimpinan iaitu Ibrahim bin Mohamad dan Nik Hassan bin Wan Abdul Rahman yang pada waktu itu berusia awal 20an. Galakan dan tunjuk ajar dalam bidang pentadbiran dapat memberikan pendedahan

⁹ Surat rujukan SUK.TR.19/1948 Appoinment of Tengku Panglima Perang and Che Kamaruddin Idris as Menteri Besar. Fail Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

¹⁰ Hamdan Aziz, Pilihanraya Umum Terengganu 1955-2013, hlm. 15.

awal kepada mereka untuk menjadi pentadbir yang berjaya pada masa hadapan. Ibrahim bin Mohamad dilantik sebagai Penulis Teks Ucapan (setaraf jawatan Setiausaha Akhbar sekarang) manakala Nik Hassan bin Wan Abd Rahman sebagai Setiausaha Sulit bagi membantu kerja-kerja pentadbiran beliau. Ibrahim bin Mohamad atau lebih dikenali sebagai Ibrahim Fikri kemudiannya menjadi Menteri Besar Terengganu ke tujuh manakala Nik Hassan bin Wan Abd Rahman menjadi Menteri Besar Terengganu ke sembilan.

Jasa dan Sumbangan

Sepanjang tempoh pimpinannya bermula 18.12.1950 hingga 28.6.1959, pelbagai peristiwa bersejarah telah berlaku dalam Tanah Melayu dan Terengganu khasnya. Tempoh pentadbiran beliau merupakan peralihan kuasa daripada Malayan Union kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Tempoh itu merupakan waktu yang sukar dalam sejarah negeri dan negara kerana kesedaran orang Melayu untuk merdeka sedang membara dan ianya satu tempoh peralihan daripada sistem penjajahan British kepada sistem demokrasi berparlimen ala Westminster. Antara peristiwa lain yang penting ialah kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan Pilihan Raya Umum yang pertama pada 20.6.1959.

Terdapat juga peristiwa sukar yang menguji pimpinan beliau sebagai seorang Menteri Besar di Terengganu. Sekitar tahun 1949 hingga ke awal tahun 1952 kegiatan anasir komunis sedang bermaharajalela dan sering melancarkan serangan hendap terhadap anggota keselamatan yang tertumpu di jalan-jalan perhubungan seperti Air Putih, Kemasek, Bukit Bandi, Jerangau dan Jabor. Satu sistem baharu telah diperkenalkan pada ketika itu iaitu penubuhan pasukan kawalan kampung atau “Home Guards” untuk mengatasi masalah keselamatan dan ketenteraman penduduk kampung. Selain itu, langkah penubuhan kawasan pengumpulan dan penempatan semula Kampung Baharu turut dilakukan bagi mengekang pergerakan pengganas komunis di Terengganu. Beberapa peraturan juga diluluskan di bawah Undang-undang Darurat 1948 antaranya:

Arahan Kawalan Kawasan Makanan 1951

Tujuannya untuk mengenakan catuan ke atas bahan makanan penduduk supaya tidak ada bahan makanan berlebihan yang akhirnya sampai ke tangan pengganas komunis di hutan.

Arahan Kawalan Kawasan Terengganu 1952

Tujuannya untuk mengenakan peraturan perintah berkurng pada masa-masa tertentu di kawasan kawalan. Perubahan sistem pendidikan ke atas Terengganu sebagai negeri di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berlaku pada 1957 apabila Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu telah mengedarkan surat pekeliling kepada Ketua Pelajaran Negeri untuk penubuhan beberapa jawatankuasa pelajaran di peringkat negeri. Oleh itu, sukatan pelajaran dan kokurikulum sekolah di Terengganu di bawah pimpinan beliau semakin teratur dan tersusun dengan kewujudan jawatankuasa antaranya:

- i. Lembaga Pelajaran Tempatan
- ii. Jemaah Nazir Sekolah
- iii. Jemaah Pengelola dan Pengurus Sekolah

Beliau mendapati negeri Terengganu mempunyai banyak sejarah yang perlu dipelihara bagi tatapan generasi akan datang. Sehubungan itu, beliau telah menubuhkan Ahli Jawatankuasa bagi menghimpunkan barang-barang bersejarah pada tahun 1955. Ini disebabkan pada waktu itu, Terengganu belum mempunyai Muzium Negeri sendiri tetapi mempunyai beberapa artifak bersejarah yang amat berharga di beberapa muzium luar seperti di Muzium

Singapura dan Kuala Lumpur. Jawatankuasa yang dilantik untuk tujuan pengumpulan bahan sejarah negeri Terengganu ialah:

- i. Engku Pengiran Anom
- ii. Dato' Setia Jasa Haji Muhammad Salleh Bin Haji Awang
- iii. Muhammad Akil bin Atan
- iv. Haji Wan Endut bin Othman

Penubuhan jawatankuasa bahan sejarah ini merupakan ‘batu asas’ bagi penubuhan Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

Sepanjang 13 tahun berkhidmat di Terengganu dan menghampiri 9 tahun menjadi Menteri Besar tentulah banyak jasa dan sumbangan yang telah beliau berikan kepada negeri Terengganu. Antaranya ialah pembinaan sebanyak 40 buah sekolah¹¹ di seluruh negeri dan menambah baik prasarana Hospital Kuala Terengganu termasuk menambah infra struktur dan perjawatannya. Jasa lain beliau termasuk menyediakan bantuan pukat dan sampan percuma kepada nelayan-nelayan yang memerlukan dan menghantar beberapa orang anak-anak negeri Terengganu untuk mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di England¹². Sama seperti Negeri-negeri Melayu lain, Terengganu turut menerima pendidikan sekular daripada Pihak British selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Selepas tamat belajar dan pulang ke tanah air, pelajar-pelajar ini telah dilantik ke jawatan utama kerajaan persekutuan dan sebilangannya menceburi bidang politik.

Selepas Pilihanraya Bandaran pada 1957, beliau telah mengambil keputusan untuk bersara sebagai Malayan Civil Service (MCS). Beliau memohon persaraan mulai 10 Mac 1957¹³ namun kerana perkhidmatannya masih diperlukan oleh kerajaan negeri Terengganu, beliau mengambil keputusan untuk menyambung perkhidmatan sebagai Menteri Besar Terengganu secara kontrak mulai 10 Mac 1957 sehingga 29 Jun 1959 iaitu sehingga tarikh Pilihanraya Umum Persekutuan yang pertama. Menurut anak bongsu beliau, Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Perdana Menteri Kamarudin setelah Parti Islam SeMalaysia (PAS) memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 1959, tokoh-tokoh pemimpin tertinggi PAS telah datang memujuk ayahnya untuk bersetuju menjadi Menteri Besar Terengganu semula tetapi tawaran tersebut ditolak kerana beliau bukan seorang ahli politik dan tidak bertanding sebagai calon dalam Pilihan Raya Umum 1959.

Satu lagi peristiwa ialah bagaimana Dato' Onn Jaafar, pemimpin tertinggi Parti Negara pemastautin negeri Johor dapat memenangi Parlimen Kuala Terengganu Selatan dengan mendapat undi sebanyak 7,986 iaitu majoriti sebanyak 2,612 undi. Ianya tidak lain tidak bukan disebabkan jemputan dan sokongan daripada Kamaruddin kerana pendirian Kamaruddin bukanlah bersemangat kepartian sebaliknya ketokohan peribadi Dato' Onn dirasakan beliau amat diperlukan masyarakat Terengganu Selatan pada waktu itu.

Perkhidmatan Selepas Bersara

Setelah bersara sepenuhnya sebagai Menteri Besar Terengganu pada 29 Jun 1959, ternyata kudrat bakti beliau masih diperlukan oleh negara Malaysia yang baharu mencapai kemerdekaan daripada British. Perdana Menteri

¹¹ Fail Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dalam (2) in Education Terengganu 286/57 bertarikh 17 Jun 1957.

¹² Antara pelajar Terengganu yang dihantar ke England ialah Tun Mohamad Salleh Abbas, mantan Ketua Hakim Negara Persekutuan Malaysia. Beliau menuntut di Universiti Wales, United Kingdom pada 1949 (Temubual Dato'Hj Suhaimi bin Kamaruddin).

¹³ Surat rujukan P.3222 bertarikh 1 Ogos 1955, Fail Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

ketika itu, YAM Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj telah melantik beliau sebagai Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu ke Pakistan pada 2 Oktober 1959. Pada 1962, beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu ke Republik Indonesia yang pada waktu itu dilanda krisis akibat ketidakpuasan hati Presiden Indonesia terhadap kemerdekaan Persekutuan Malaysia. Sukarno tidak mengiktiraf kemerdekaan dan menganggap Indonesia adalah ‘abang’ kepada Malaysia. Peristiwa konfansi, kempen ‘Ganyang Malaysia’ serta beberapa situasi tegang antara kedua dua negara pada waktu itu, menyebabkan Kamaruddin secara peribadi telah berkonflik dan bertelingkah lisan dengan Presiden Sukarno.

Atas faktor keselamatan, beliau terpaksa dipanggil pulang ke Kuala Lumpur dalam masa 24 jam. Namun begitu, sumbangan jasa bakti beliau masih lagi diperlukan oleh negara. Perdana Menteri sekali lagi telah melantik beliau menjawat jawatan penting sebagai Duta Malaysia ke Jeddah, Arab Saudi. Tarawan itu telah diterimanya dengan hati yang gembira diibaratkan seperti kata pepatah melayu seperti ‘orang mengantuk disorongkan bantal’. Ini kerana beliau dapat berkhidmat untuk negara yang dicintainya di Tanah Suci Makkah sambil dapat beribadat untuk menambahkan amal kebajikan di penghujung kerjayanya. Selepas tamat perkhidmatan sebagai Duta di Jeddah, Arab Saudi, Kamaruddin benar- benar menikmati usia emasnya dengan melakukan kerja amal ibadat. Menurut anak bongsunya, beliau gemar membina surau dan masjid secara bersembunyi tanpa pengetahuan sesiapa. Beliau juga gemar mewakafkan tanah- tanahnya untuk dijadikan masjid sehingga tiada satupun tanah yang dimiliki beliau malahan tanah tapak rumahnya adalah milik isterinya.

Sepanjang perkhidmatan, Kamaruddin telah dianugerahkan dengan gelaran Dato’ Perdana Menteri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail pada 1 Februari 1950¹⁴ manakala gelaran Dato’ Seri Setia Raja pula dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail pada 11 Julai 1959¹⁵. Beliau merupakan Menteri Besar Terengganu terakhir yang dianugerahkan dengan gelaran Dato’ Perdana Menteri kerana gelaran ini telah dimansuhkan menurut Fasal 28 Undang Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab II). Keterlibatan sama isterinya, Hajjah Che’ Aminah binti Haji Abdul Jalil yang sangat aktif dalam pergerakan wanita iaitu Kaum Ibu membawa kepada penganugerahan Tok Puan Seri Nela daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail pada 17 Julai 1956¹⁶.

Sebagai menghargai jasa- jasa beliau kepada negeri Terengganu, sebatang jalan raya telah dinamakan bersempena namanya iaitu Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu. Pada 31 Julai 1993 diusia 89 tahun, Kamaruddin telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Jasad nasionalis ulung ini telah bersemadi dengan aman di Tanah Perkuburan Kampung Batu, Ulu Langat, Selangor.

KESIMPULAN

Negeri Terengganu amat bertuah kerana dikurniakan seorang pentadbir yang berwawasan, berintegriti, berperibadi tinggi serta cekap dalam mentadbir negeri yang pada ketika itu baharu mencapai kemerdekaan dan masih belum


¹⁴ DYMM Sultan Terengganu telah menganugerahkan Gelaran ‘Dato Perdana Menteri’ kepada Menteri Besar Terengganu pada 1 Februari 1950. Gelaran ini ditamatkan selaras dengan perubahan Perlembagaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

¹⁵ Warta Terengganu No. 4 Vol.IV bertarikh 15 Februari 1951 hlm.35.


¹⁶ Warta Terengganu No.16 Vol. IX bertarikh 9 Ogos 1956 hlm 368.

mempunyai hasil komoditi utama seperti petroleum. Usaha gigih serta jasa bakti Kamaruddin kepada negeri Terengganu wajar dicontohi oleh pentadbir serta Menteri Besar pada masa sekarang dan pada masa akan datang.

LAMPIRAN GAMBAR



Gambar 1: Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu pada 3 Feb 1948 bergambar beramai- ramai di Istana Maziah, Kuala Terengganu. Kamarudin ketika menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) duduk 2 dari kiri. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).




Gambar 2: Surat lantikan Kamaruddin sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu oleh DYMM Sultan Ismail Nasiruddin Shah bertarikh 1.2.1948. Rujukan Fail SUK.TR.19/1948. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

List of Officers holding the post of Menteri Besar, Trengganu, since 1st February, 1948.				
Name.	Appointment.	From	To	
Tengku Penglima Prang (Tengku Muhammad ibni Almarhum Sultan Ahmad, Pahang)	Menteri Besar	1. 2.48	31.1.50	
Che Kamaruddin bin Haji Idris (Dato' Perdana Menteri di-Raja) M.G.S.	Acting Menteri Besar	1. 2.50	17.12.50	
-do-	Menteri Besar	18.12.50	-	

My
STATE SECRETARY,
TRENGGANU.

Gambar 3: Catatan rekod tarikh lantikan Menteri Besar Terengganu mulai pada 1.2.1948 sehingga 18.2.1950 yang melibatkan Tengku Panglima Perang dan Kamaruddin. Rujukan Fail SUK.TR.19/1948. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 4: Undang Undang Bagi Diri Terengganu (kedua) bertarikh tahun 1948 merekodkan Haji Kamaruddin bin Haji Idris sebagai Pemangku Menteri Besar Terengganu. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

(D) in SUK TR. 1096/1950		
<u>Mentri Besar</u>		
1. Yang Berhormat Che' Kamaruddin bin Haji Idris, M.C.S.		
<u>Setia Usaha Kerajaan</u>		
2. Yang Berhormat Dato' Biji Sura - Wan Abdullah bin Dato' Kamal Wangsa.		
<u>Ahli Ahli Jemaah Mentri dan Majlis Mesyuarat Negri.</u>		
3.	Yang Berhormat Tengku Pekerman Wira - Tengku Wok bin Din.	
4.	" " Tengku Jaya Pekerman - Tengku Abu Bakar bin Mustaffa.	
5.	" " Dato' Sangsura Pahlawan - Haji Wan Long bin Ahmad.	
6.	" " Tengku Sriwa Raja - Tengku Abdullah bin Abbas.	
7.	" " Engku Pengiran Anom - Engku Abdul Kadir bin Abdullah.	
8.	" " Che' Abdul Rahman bin Awang.	
9.	" " Dato' Bentara Luar - Che' Mohd. Khalid bin Haji Abdul Rahman.	
<u>Ahli Majlis Mesyuarat Negri.</u>		
10.	Yang Berhormat Tengku Lela Segara - Tengku Sulong bin Ali, J.P.	
11.	" " Engku Kelana Di-Raja - Syed Al-Sagaff bin Abdul Rahman, J.P.	
12.	" " Che' Abdul Aziz bin Hussain, J.P.	
13.	" " Tuan Haji Omar bin Ismail.	

Gambar 5: Catatan rekod senarai ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu semasa pentadbiran Kamaruddin. Rujukan Fail SUK.TR.1096/1950. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur)



Gambar 6: Kamaruddin (duduk 4 dari kiri) ketika menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) bergambar beramai- ramai bersama DYMM Sultan Ismail dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu pada tahun 1948. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 7: Bergambar ramai bersama DYMM Sultan Ismail dan Speaker DUN pertama Terengganu pada tahun 1958. Kamaruddin duduk 5 dari kanan. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 8: Kamaruddin (berdiri di tengah) mengiringi DYMM Sultan bagi merasmikan pembukaan Jalanraya di Kuala Besut, Terengganu. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 9: Kamaruddin menyampaikan ucapan sempena program Majlis Belia Negeri Terengganu. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 10: Kamaruddin ketika menjadi Menteri Besar Terengganu berpakaian Haji selepas pulang daripada menunaikan Ibadah Haji di Kota Suci Makkah, Arab Saudi. (Sumber : Muzium Negeri Terengganu).



Gambar 11: Kamaruddin di pejabat Menteri Besar Terengganu (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 12: Kamaruddin (kiri) mengiringi DYMM Sultan Ismail dalam satu lawatan rasmi baginda ke luar negara. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).



Gambar 13: Kamaruddin (dua dari kanan) ketika menerima kunjungan Duta daripada luar negara. (Sumber : Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur)

RUJUKAN

- Temubual bersama waris mantan Menteri Besar Dato' Perdana Menteri Di Raja Dato'Seri Setia Di Raja Haji Kamaruddin bin Haji Idris. Dato' Haji Suhaimi bin Haji Kamaruddin, Kuala Terengganu (22 Ogos 2019) dan Kuala Lumpur (16 September 2020).
- Abdul Rahman Embong. (2012). Terengganu merentasi tiga abad: kesultanan, politik, ekonomi, agama dan budaya. Malaysia: Yayasan Diraja Sultan Mizan, Kuala Terengganu.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1984). Terengganu dahulu dan sekarang. Malaysia: Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1996). Pentadbiran tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945. Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (1996). Terengganu: Ketokohan, pentadbiran dan perjuangan. Malaysia: United Selangor Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Ahmad Azhar Harun. (2014). Biografi tokoh-tokoh pentadbiran Islam Terengganu: Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu 1911M-2014M/ 1329H-1435H. Malaysia: MAIDAM, Kuala Terengganu.
- Annual Report on the State of Terengganu.* (1948). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Buyong Adil. (1982). Sejarah Terengganu. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Che Mek Kamariah Che Yem. (1981). Dasar British Terhadap Terengganu Antara Tahun 1946- 1957. Malaysia: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

- Hamdan Aziz. (2015). Pilihanraya Umum Terengganu 1955-2013. Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu.
- Hugh Clifford. (1961). Expedition to Terengganu & Kelantan. Malaysia: *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Vol. XXXIV, Kuala Lumpur.
- Muhamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmood. (2008). Dirgahayu Tuanku: Sejarah Kesultanan Terengganu 1708- 2008. Malaysia: Yayasan DiRaja Sultan Mizan, Kuala Terengganu.
- Muhammad Salleh Awang. (1992). Sejarah Darul Iman hingga 1361H/1942M. Edisi Ketiga. Malaysia: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu. Kuala Terengganu.
- Muhammad Yusof Hashim. (1991). Terengganu Darul Iman Tradisi Pensejarahan Malaysia. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor.
- Norizan Mustaffa. (1990). Sejarah Kuala Terengganu 1900-1957. Malaysia: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Osman Mamat. (1981). Darurat di Terengganu 1948-1960: Beberapa aspek sosial dan ekonomi. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. (2016). Al- Ru'Ása: Tokoh- tokoh setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu 1911-2016. Malaysia: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Kuala Terengganu.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, *Record of Service and Leave, Section 1, Book VI*.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan. (1999). Pembangunan Terengganu dahulu dan sekarang. Malaysia: Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kuala Terengganu.
- Rosli Ibrahim. (1989). Sejarah pendudukan British di Terengganu 1909-1941. Malaysia: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Shaharil Robert Talib. (1984). *After its own image – the Terengganu experience 1881- 1941*. United Kingdom: Oxford University Press, London.
- Tarikh lantikan Menteri Besar. (1948). *Appointment of Tengku Panglima Perang and Che Kamaruddin bin Haji Idris As Menteri Besar dan State Secretary Respectively*. SUK.TR.19/1948. Arkib Negara, Kuala Lumpur.
- Timah Hashim. (1981). Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu: Satu kajian ketokohan dan kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Warta Terengganu No.16 Vol.9 IX bertarikh 9 Ogos 1956. Gelaran To'Puan Sri Nela.
- Warta Terengganu No.4 Vol.IV bertarikh 15 Februari 1951. Gelaran Dato'Perdana Menteri Di Raja.